
Sastera Untuk Kanak-Kanak: Fungsi dan Implikasinya.

Salmah Binti Hj. Ayob
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

This paper portrays Children's Literature as an educational medium to impart moral knowledge and broaden aesthetic perception of life with all its inherent intricacies. It explores the intellectual mechanisms of Children's Literature which present to the children the varied ways of life in different cultures, beliefs, and values which infuse latent influences on the development of their personality. The paper shows that these characteristics are artistically manipulated in the various categories of Children's Literature such as folktales, folklores, fairytales, legends, comics, biographies, and science fictions.

Pengenalan

Makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan bahawa kesusasteraan kanak-kanak merupakan satu media pendidikan dalam aspek-aspek seperti pengetahuan moral, estatika, sistem nilai dan kebudayaan.

Nilai-Nilai Pendidikan Sastera Kanak-Kanak

Kesusasteraan, dari sudut estatika, adalah satu bentuk seni. Ia merupakan penggambaran hidup dan pemikiran yang imaginatif terjalin di dalam bentuk-bentuk struktur yang terkawal dan bahasa yang indah. Bidang kesusasteraan merangkumi segala keadaan manusia itu sendiri seperti hidup dengan penuh perasaan, pemikiran dan pengertian yang mendalam. Pengalaman kesusasteraan itu pula selalunya mempunyai dua dimensi kerana ia melibatkan pihak penulis-pengilustrasi buku dan pihak pembaca.

Apabila ditegaskan yang kesusasteraan itu sebagai satu bentuk seni, maka perlulah difikirkan tentang bentuk, gaya serta fungsi simbol grafiknya; iaitu perkataan-perkataan dan gambar-gambar yang diperturunkan bersama oleh penulis dan pengilustrasinya. Semuanya ini bertujuan untuk melahirkan suatu pengalaman estatika; iaitu untuk membantu pembaca merasai dan mengamati susunan gambar, warna, perasaan, fikiran serta perhubungan di antara watak-watak dan persekitarannya supaya satu pengalaman seni yang penuh dengan pengertian dapat diwujudkan. Pengalaman estatika ini boleh mendorong pembaca untuk merenung kembali pengalaman-pengalaman mereka sendiri serta membandingkan dengan pemikiran-pemikiran filsafatnya dan mungkin seterusnya menganalisa hal-hal tersebut menerusi satu perspektif yang baru. Kesusasteraan mengajak pembaca ikut serta dengan penulisnya untuk menduga betapa dalamnya jurang kesengsaraan dan mengupas segala macam gejala emosi manusia.

Bahasa kesusasteraan yang konotatif dan imaginatif menjemput pembaca menyertai satu komunikasi gerakbalas yang intelektual dan beremosi bersama-sama dengan penulisnya. Kesusasteraan membawa para pembaca mengamati dalam bentuk atau cara yang belum pernah dialami mereka. Ia mengheret para pembaca merasai konflik-konflik, watak-watak, elemen-elemen tentang latar keadaan dan masalah-masalah manusia universal. Ia juga dapat membantu para pembaca menikmati keindahan yang amat menyenangkan, keajaiban, kejenakaan, kekecewaan, kesengsaraan, ketidakadilan dan kejelekan hidup. Kesusasteraan juga dapat memberangsangkan pemikiran, penglibatan dan kehalusan rasa di samping dapat mengarahkan perhatian pembaca kepada perkara-

perkara yang khusus dan universal. Walaupun demikian, peranan kesusasteraan pada keseluruhannya tidak terbatas setakat itu saja. Ia juga memohon pembaca menilai serta menghargai keadaan-keadaan dunia di sekelilingnya yang kompleks, kerumitan-kerumitan yang terdapat di tengah-tengah masyarakat manusia, serta hubungannya sesama manusia. Disebalik memimpin para pembaca menganalisa diri mereka sendiri, kesusasteraan juga cuba membangkitkan rasa simpati mereka terhadap manusia lain. Pendek kata, kesusasteraan merupakan kesempurnaan segala-galanya; iaitu ia bertujuan meminta, mendorong, merangsang serta menggerakkan manusia supaya menjadi manusia yang berperikemanusiaan dan bertanggungjawab.

Kesusasteraan untuk kanak-kanak bukanlah sebagai pengganti kepada hubungan hidup manusia, tetapi adalah untuk menambahkan manfaat yang tidak terhingga kepada kekayaan hidup, ketuhanan peribadi dan pengalaman rohani kanak-kanak itu. Mereka akan lebih mengaprisiasikan alam sekitarnya, masyarakatnya, tamadun dunianya yang bakal mempengaruhi masa hadapan mereka, dan memperkembangkan serta mempertajamkan daya keintelektualan mereka. Pemberian yang berharga lagi bermanfaat yang dapat disumbangkan oleh kesusasteraan kepada kanak-kanak meliputi ciptaan-ciptaan sastera kreatif yang dapat mengikat minat dan menghidupkan kegemaran mereka. Hal ini dapat dicapai dengan cara menghitung kepentingan kanak-kanak itu sendiri, memenuhi keperluan-keperluan biologi dan psikologi mereka, dan seterusnya membantu perkembangan, pertumbuhan dan pembentukan jiwa, peribadi dan daya pemikiran mereka. Manusia, pada semulajadinya, mempunyai kehendak-kehendak asas untuk mengharungi hidup mewah dan penuh dengan harmoni. Kanak-kanak, khasnya, berjiwa lincah dan senantiasa mencari sesuatu yang baru dalam hidup mereka. Mereka mencari sesuatu yang menghayati fantasi serta mencabar daya imaginasi, melaksanakan daya kuasa yang boleh menjangkau batas-batas pengalaman hidup mereka. Sastera kanak-kanak juga merangsang kanak-kanak merenung dan mempersoalkan diri mereka sendiri di samping akan dapat merasai bahawa diri mereka itu adalah sebahagian daripada keseluruhan masyarakatnya. Menerusi sastera, kanak-kanak dapat mengidentifikasikan diri mereka dengan yang lain, atau, mencari identiti mereka sendiri. Selanjutnya mereka akan menikmati kejayaan serta mencari kepuasan estatika melalui apresiasi keindahan dan kehalusan rasa.

Objektif-Objektif Sastera Kanak-Kanak

Sastera kreatif yang benar-benar menarik perhatian kanak-kanak dan seterusnya menggerakkan kanak-kanak untuk mempunyai peribadi yang luhur, seharusnya memberi hiburan di samping memberi pengalaman baru serta memuaskan naluri ingin tahu mengenai dunia di sekeliling mereka. Untuk memperkayakan kehidupan mereka, sastera kreatif hendaklah juga dapat merangsang daya imaginasi, menolong membina keintelektualan, menyubur dan menjernihkan emosi mereka. Adalah amat mengembirakan jika sastera kanak-kanak ini dapat disesuaikan dengan keinginan dan aspirasi yang tersebut di atas. Ia juga mestilah memberikan saranan-saranan yang berguna kepada kanak-kanak untuk menyelesaikan segala masalah dan kesulitan hidup mereka seharian. Sesungguhnya, sastera kanak-kanak berkait rapat dengan semua aspek keperibadian. Ia juga menyemaikan kepercayaan dan keyakinan dalam diri mereka serta juga kepada hari depan mereka. Sastera yang baik dapat memberi sumbangan kepada kanak-kanak dengan cara memenuhi keperluan-keperluan yang paling diperlu oleh mereka dan menyemai minat membaca dalam diri mereka. Oleh yang demikian ciptaan sastera yang baik ditujukan ke arah pencapaian objektif-objektif berikut seperti mana yang telah dirakamkan oleh Constantine Geogion.¹

1. Membolehkan kanak-kanak mendapat kesempatan untuk menjelajahi dunia remaja mereka dengan cara yang bebas.
2. Memelihara serta membentuk keadaan yang sesuai bagi perkembangan emosi dan akal fikiran kanak-kanak di samping menyegar dan menyenangkan jiwa mereka. Selanjutnya, menggalakkan mereka menikmati hidup di samping membina jiwa mereka sendiri dan mengalami sendiri dunia orang lain, juga dunia orang dewasa.
3. Menyemaikan nilai-nilai moral yang kukuh dan sikap-sikap positif yang telah disogokkan menerusi watak-watak dalam cerita-cerita kanak-kanak.
4. Menyediakan pengalaman-pengalaman baru yang dapat mengasahkan dan membuka

akal kanak-kanak, melahirkan sensitiviti mereka, meluaskan fikiran dan menambahkan sebanyak mungkin pengalaman untuk mencari identiti diri mereka menerusi cerita-cerita.

5. Memainkan peranan sebagai satu pertalian yang erat yang dapat memelihara dan mengukuhkan tradisi keinsanan (humanistic tradition) dari satu generasi ke generasi lain.
6. Meluaskan pengamatan estetika dan memberikan satu fahaman kepada bentuk dan susunan menerusi bahasa, ide-ide dan seni visual melalui buku-buku bergambar.
7. Menyelidiki berbagai bentuk sumbangan nilai-nilai moral, cara hidup dalam berbagai budaya, yang lalu dan kini, untuk memberikan suatu rasa hidup yang universal.
8. Menyediakan kepada kanak-kanak pengalaman-pengalaman yang dapat dinikmati dalam usaha membangkitkan rasa terpesona terhadap kemurnian hidup dan rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri.
9. Menitikberatkan tema-tema yang dapat membangkitkan minat semulajadi kepada kanak-kanak. Ini bergantung kepada sejauh mana tema-tema ini diperkembangkan melalui struktur dan gaya dengan segala keindahan dan tenaga yang bersungguh-sungguh, serta bahan-bahan yang diperlukan untuk mencapai matlamat pendidikan kanak-kanak. Ini merupakan kriteria penting yang mencakupi pertimbangan-pertimbangan unsur-unsur didaktik berhubung dengan metodologi dan psikologi untuk membentuk bakat seseorang supaya membolehkannya pintar bercerita. Sama ada ciptaan-ciptaan kreatif itu satu hasil fakta atau fiksyen, prosa atau puisi, ia meninggalkan suatu kesan ke atas hidup remaja yang mencerminkan jiwa sastera kanak-kanak. Apabila semangat ini dipersembahkan dalam sesebuah karya menerusi tema yang asli, estetika dan gaya yang menarik, perlukisan peribadi watak yang dapat diidentifikasi, maka ianya berjaya menimbulkan satu rasa signifikan yang universal. Faktor-faktor ini dapat meletakkan karya-karya sastera kanak-kanak ke suatu kedudukan yang amat dibanggai.

Cerita Rakyat

Cerita-cerita berbentuk dongeng rakyat diwarisi dari sastera lisan. Sastera yang demikian merupakan bentuk-bentuk awal bagi sastera kanak-kanak yang kini telah dicetak. Adalah sukar untuk menentukan sama ada sesebuah hasil karya itu sesuai atau tidak bagi kanak-kanak remaja. Pada peringkat awal hasil-hasil sastera ditujukan kepada orang-orang dewasa, tetapi kanak-kanak juga gemar mengikutinya. Misalnya cerita *Robinson Crusoe*² pada asalnya bukanlah ditujukan kepada kanak-kanak, tetapi kanak-kanaklah yang telah menjadikan cerita itu sebagai sebahagian daripada sastera mereka. Begitu juga *The Life and Strange and Surprising Adventure of Robinson Crusoe*³ yang dicetak kemudiannya dalam bentuk roman pendek, telah menjadi sastera klasik kanak-kanak. Demikian juga dengan cerita *Gulliver's Travels*⁴ sebuah karya yang menyindir tajam kelas elit, tetapi orang-orang remaja dan dewasa bersama-sama turut meminatinya. Pengarangnya telah menggambarkan keaslian dan kebenaran dalam ceritanya yang imaginatif ini dengan mengemukakan gambaran dan keadaan masa, hari dan tempat yang menakutkan. Cerita Pelayaran Gulliver yang termasyhur ini mengandungi beberapa episod yang menakutkan. Cerita-ceritanya disajikan dengan ketegangan-ketegangan yang menyeramkan dan keperwiraan yang mengagumkan. Suasana ini merangsangkan daya kreatif dan imaginasi kanak-kanak serta menghidupkan kenakalan dan kelucuan cerita, di samping bertindak sebagai daya penarik yang kuat kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak dari berbagai peringkat umur memang bersedia untuk menikmati cerita-cerita pengembaraan yang penuh dengan keanehan. Tidak seorang pun kanak-kanak yang mungkin melupai peristiwa di mana Gulliver mendapati dirinya dalam lilitan tali orang-orang Pulau Lilliput yang tingginya hanya tujuh inci dan berjalan-jalan pula di atas tubuh Gulliver. Segala perincian yang mempersonakan ini diusahakan dengan penuh teliti. Kanak-kanak tidak sedikit pun terasa gelisah dan menghiraukan tentang pengertian simbolik yang ada pada cerita ini. Mereka terasa senang sekali berada di dalam fantasi cerita ini.

Perjalanan Gulliver buat kali keduanya telah membawa beliau ke Brobdingnag di mana penduduk-penduduknya semuanya besar-besar seperti raksasa. Pengalaman Gulliver di negeri ini tidaklah begitu menyenangkan seperti mana yang telah dialaminya di Lilliput; tetapi pembaca-pembaca remaja mungkin akan tertarik dengan pernyataan yang dilebih-lebihkan mengenai raksasa-raksasa itu.

Selanjutnya cerita ini menyogokkan dengan suspens pengembaraan dan kelucuan yang menambat hati pembaca-pembaca. Pada keseluruhannya penggambaran latar dan perlukisan watak yang teliti telah membolehkan kanak-kanak menghayati pengembaraan imaginatif penggarangnya. Dengan ini, kanak-kanak berpeluang mengidentifikasikan diri mereka sama ada dengan orang-orang kenit Lilliput (jika mereka melihat diri mereka sebagai *pari-pari*) atau dengan Gulliver yang gagah (andainya mereka lebih suka merasai diri mereka sebagai raksasa). Walau apa sekalipun pilihan yang dibuat oleh para pembaca, cerita ini dapat memenuhi keinginan (kerinduan) kanak-kanak untuk mendapat kuasa, kebebasan atau sebagainya. Hal yang paling menarik ialah cerita ini juga dapat memuaskan kerinduan kanak-kanak kepada pengembaraan yang melewati batas-batas realiti.

Pengerakan cerita dari satu episod ke episod lain dijalin dengan licin oleh penulisnya tanpa disadari oleh para pembaca. Para pembaca dibawa menjelajah dari alam realiti ke alam fantasi dan kembali semula tanpa diganggu rasa resah gelisah. Untuk pembaca yang lebih matang, ia berpeluang menganalisa tentang pengertian hidup yang sebenarnya berbanding dengan masyarakat sekelilingnya.

Seperti bentuk-bentuk seni yang lain, dongeng-dongeng rakyat juga berfungsi menghibur, mengajar dan membentuk moral kanak-kanak. Cerita-cerita yang berbentuk epik, ballada, legenda, lagu-lagu rakyat, metos dan dongeng tauladan digubah dalam gaya yang sesuai dan secocok dengan cara kanak-kanak berfikir dan mengalami keadaan alam sekitar mereka. Cerita-cerita ini menitik-beratkan kepada fantasi dan imaginasi kanak-kanak di samping memuaskan kerinduan mereka kepada perkara-perkara yang ajaib. Antara buku-buku yang mempunyai kriteria ini ialah yang terdapat dalam Siri ceritera dari lima benua terbitan P.T' Gramedia, Jakarta yang tiap-tiap satunya berjudul *Kuda Ajaib, Cengkerik Ajaib, Lampu Biru Yang Ajaib, Kaisar dan Pakaian Ajaib, Ular Ajaib, Gadis Di Pohon Emas, Puteri Duyung dan Peri Hutan* dan *Karangan Bunga Anak Gembala*. Pemikiran kanak-kanak pada peringkat ini terlalu imaginatif dan akan tetap begini sehingga mereka menjangkau kedewasaan dalam alam remajanya. Naluri suka bermain membolehkan kanak-kanak berkhayal serta membuatkan perkara-perkara yang tidak logik itu seolah-olah logik. Lebih-lebih lagi apabila kesemuanya seolah-olah menjadi nyata kerana terdapat cara-cara penggambaran dan penceritaan yang teliti serta menyakinkan kanak-kanak.

Dalam menggunakan sastera sebagai alat untuk meresapkan sesuatu ke dalam jiwa kanak-kanak, perlu juga diberikan pertimbangan yang saksama kepada bentuk, isi dan nilai serta tujuan bahan bacaan tersebut. Oleh yang demikian sastera rakyat untuk kanak-kanak juga patut dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria ini. Untuk para pembaca remaja seharusnya disajikan cerita-cerita yang mudah, sesuai dan menarik serta dapat mengikat perhatian mereka tanpa menggelorakan sentimen dan perasaan yang berlebihan. Di antara cerita-cerita tempatan yang popular untuk kanak-kanak ialah *Abdul dengan Monyet, Bobo dan Ular Sawa, Kera dengan Buaya, Peladang dengan Kijan, Si Cerdik dengan Anjing Liar, Si Sisik, Si Tangkai, Si Taring Tua dengan Sahabatnya, Si Rangkak dengan Biawak, Kala Jengking dengan Merbau, Kera Menjala Buaya Mendapat dan Pelanduk Membayar Hutang*. Cerita-cerita dongeng Aesop seperti *Dongeng Skandinavia, Pancatantra, Bakul Bakti, Matahari Masih Mengejar Bulan, Gajah Putih* — sebuah dongeng Rakyat Burma, *Cerita Burung Dara* dan *Pelanduk Mengalahkan Raja Buaya*. Sementara cerita-cerita seperti *Cenderalela, Puteri Salji Putih, Puteri Yang Tertidur, Puteri Gunung Ledang, Putera Hodoh Berkahwin, Bakal Suami Tengku Mariam, Puteri Rimba, Puteri Limau Purut, Cerita Bawang Putih Bawang Merah*, dan *Beauty and the Beast* adalah lebih sesuai untuk pembaca-pembaca remaja yang lebih tua kerana cerita-cerita tersebut mengandungi elemen-elemen romantik seperti percintaan di antara dara dan teruna tampan yang membawa ke jinjang pelamin setelah melalui pelbagai rintangan dan dugaan.

Cerita *Si Manis dengan Haiwan* (*Beauty & The Beast*) yang dinyatakan di atas, berasal dari sebuah dongeng rakyat Perancis. Ini merupakan sebuah kisah yang kompleks dan mempunyai persamaan isi cerita dan tema dengan cerita dongeng Skandinavia yang berjudul *East O' The Sun and West O' The Moon*. Cerita *Beauty and The Beast* telah dikarang semula dalam bentuk prosa yang paling indah serta bernilai sastera dan dipenuhi dengan ilustrasi-illustrasi yang memaparkan suasana mistri tetapi cukup artistik dan subjektif, sesuai dengan taraf alam remaja serta cocok dengan suasana cerita. Gambaran binatang yang berkepala singa di dalam cerita itu dapat membebaskan anak raja itu dari sumpahan jahat yang dikenakan ke atasnya. Ini benar-benar merupakan sebuah kisah dongeng rakyat indah mengenai persefahaman, percintaan dan pengorbanan. Malangnya tajuk cerita ini saja mungkin melemahkan minat dan kecenderungan kanak-kanak untuk membacanya; namun begitu pada hakikatnya tidak ada sesuatu yang jelek dalam *Beauty and The Beast*. Sebaliknya di sepanjang cerita ini terdapat kehalusan rasa ketaatan dan penuh kasih sayang dari watak-watak utamanya: Si Jelita, Bapanya dan Putera Raja (*The Beast*).

Banyak di antara kita akan dapat mengingat kembali pengenalan awal kita mengenai hakikat jantina yang selama ini di terima sebagai salah satu aspek naluri kehidupan yang penuh dengan kekaburan. Unsur jantina membawa tanggapan yang terjalin rapat dengan aspek hawa nafsu yang dianggap bukan saja negatif, malah destruktif. Oleh itu timbullah prasangka-prasangka bahawa istilah jantina semestinyalah membawa pengertian yang mirip kepada perlakuan-perlakuan hubungan jenis dan tidak lain dari itu. Tanggapan yang sedemikian rupa secara psikologi membina semacam satu sikap dingin terhadap hakikat jantina di kalangan remaja yang umumnya menghubungkan interaksi jantina dengan gejala-gejala yang terlarang dan bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Kesan dari sikap yang terbina ini lahirlah suatu generalisasi yang menganggap segala yang berhubungan dengan jantina sebagai unsur yang tidak sihat yang perlu di jauhi. Dalam keadaan yang lebih ekstrim dalam setengah-setengah masyarakat persoalan tentang jantina bukan saja dianggap tabu, malah jika diperlakukannya maka itu merupakan dosa yang maha besar. Dalam cerita *Beauty and The Beast* penulis menggambarkan kehilangan dara secara simbolik menerusi mawar yang patah. Secara tidak langsung cerita ini bertujuan menarik perhatian pembaca remaja untuk melihat isu "sosial" ini secara objektif tanpa diselubungi prasangka dan sentimen sempit di samping menonjolkan secara halus fungsi dan realiti alam jantina. Pengetahuan berhubungan dengan segala aspek persoalan jantina wajar sekali disampaikan ke pengetahuan remaja sebagai salah satu persediaan asas untuk menempuh kehidupan berumahtangga di masa hadapan. Menyedari hakikat ini kita akan mendapati bahawa dalam kebanyakan cerita kanak-kanak jenis ini akan terselit unsur-unsur pendidikan jantina di sana-sini yang disampaikan secara halus dan kreatif bagi menarik minat membaca dan seterusnya meneroka hakikat dan realiti fungsi jantina dalam kehidupan insan. Keindahan dan kemurniaan jantina bergantung kepada masyarakat untuk melihat isu ini secara objektif tanpa sebarang prasangka terhadapnya. Sesuai dengan budaya dan ugama dalam setengah-setengah masyarakat terdapat suatu daya penarikan yang selari dengan mesej yang ditonjolkan oleh cerita ini - *Beauty and The Beast* - di mana protagonisnya (lelaki) antara lain mengeluh:

A wicked fairy had condemned me to remain under that shape until a beautiful virgin should consent to marry me.⁵

Di sini jelaslah bahawa perkahwinan sajalah satu-satunya jalan keluar yang dapat menghalalkan perhubungan jantina. Perkahwinan dapat membentuk nafsu liar ke arah satu ikatan yang sesuai dengan kehendak norma-norma sosio-budaya masyarakat.

Saya tertarik sekali dengan gaya kreatif yang mengutarakan ide-ide jantina yang sihat kepada kanak-kanak tanpa mengganggu perasaan mereka. Banyak ibubapa yang masih bersikap negatif terhadap persoalan jantina yang universal itu yang sebenarnya tidak dapat dihindarkan kehadirannya di dalam pendidikan (formal) kanak-kanak. Namun di sebalik persoalan ini tidak pula wajar untuk menghukum seorang kanak-kanak jika konsepnya terhadap jantina bersifat kebinatangan. Oleh kerana itulah maka watak (di dalam cerita *Beauty and The Beast*) ahli sihi yang sepatutnya dihukum kerana bertanggungjawab menukarkan rupa putera raja menjadi seekor binatang, terlepas tanpa dihukum di akhir cerita.

Cerita ini menyogokkan kepada pembaca satu kenyataan yang telah menjadi amalan biasa di kalangan kanak-kanak iaitu; memindahkan dan menghalakan kasih sayang dan perhubungan Oedipal ibubapanya dengan perhubungan kepada pasangan hidupnya. Sementara itu proses ini juga menyediakan kepada kanak-kanak alternatif-alternatif di dalam memilih teman-teman hidup yang secocok dengan jiwanya di masa hadapan. Kanak-kanak yang sempurna akal fikirannya sudah sewajarnya akan menghargai dan mencurahkan kasih sayangnya kepada kedua-dua ibubapa dan pasangan hidupnya.

Beauty and The Beast memberi petunjuk kepada kanak-kanak untuk menyedari bahawa hakikat ketakutan mereka terhadap unsur-unsur jantina sebenarnya berpunca daripada kegelisahan perasaan mereka. Sebenarnya kasih sayang di antara lelaki dan perempuan adalah sesuatu yang semulajadi yang dapat mencetuskan kehidupan yang harmoni di samping membimbing ke arah kebahagiaan hidup yang abadi.

Cerita Bergambar

Buku-buku cerita bergambar mempunyai bentuk seni visual. Buku-buku jenis ini perlu memaparkan gambar-gambar atau ilustrasi-ilustrasi berdasarkan fungsinya yang sebenar dan perlu sesuai dengan peringkat umur pembacanya. Misalnya di peringkat umur empat hingga sebelas tahun, ilustrasi-ilustrasinya mestilah banyak dan berwarna-warni. Minat membaca kanak-kanak boleh dipupuk menerusi buku-buku cerita bergambar sejak mereka kecil-kecil lagi; iaitu semasa mereka sudah tahu mendengar cerita-cerita dan mengenal huruf-huruf – (biasanya dalam lengkungan usia 5-6 tahun). Di peringkat umur ini mereka gemarkan cerita-cerita yang penuh dengan adegan-adegan pertarungan, suspens dan sebagainya. Meskipun begitu terdapat juga kanak-kanak yang lebih tua dan juga orang-orang dewasa yang berminat mengikuti cerita-cerita ini. Sesungguhnya cerita-cerita bergambar yang baik mutunya dapat membantu kanak-kanak mengikuti cerita-cerita melalui gambar-gambarnya dengan penuh minat.

Kanak-kanak memang gemar membaca cerita-cerita komik. Mereka amat tertarik dengan ilustrasi-ilustrasi yang menggambarkan dengan jelas pelbagai kelucuan dan kenakalan watak-watak atau cerita-cerita mengenai pembongkaran rahsia, pembunuhan dan penemuan harta-harta karun, ataupun cerita-cerita pengembaraan yang menakjubkan dan keperwiraan yang mengka-gumkan seperti yang terdapat dalam cerita-cerita komik *Kapten Malaysia*, *Sastria Kilat Buana*, dan *Sempilai* iaitu siri-siri komik Bintang Timur, *Sarjen Taib*, *Semut Merah*, *Bomoh Puaka*, *Di Lembah Tasik*, *Pertarungan*, *Penunggang Maut*, dan lain-lain lagi. Di sini, peranan ibubapa bukan sekadar menggalakkan pembacaan anak-anak tapi juga harus memilih jenis-jenis cerita komik yang bermutu mengikut pertimbangan mereka. Ini amat penting untuk membentuk dan mengasah minat serta memupuk tabiat membaca di kalangan kanak-kanak. Apabila tabiat membaca telah berjaya dipupuk, kanak-kanak akan menjadi pembaca yang selektif yang sentiasa dahagakan buku-buku yang bermutu, yang dapat menambahkan pengetahuan mereka dalam berbagai bidang. Biasanya pada peringkat inilah pembaca-pembaca muda, khususnya kanak-kanak lelaki, lebih suka kepada komik-komik yang mengisahkan watak-watak yang sebaya, pengembaraan-pengembaraan mengenai superhero, terutama sekali yang penuh dengan aksi-aksi yang hebat di antara pihak baik (hero) dengan pihak jahat. Di antara buku-buku komik keluaran dalam Bahasa Inggeris yang menjadi kegemaran mereka adalah *Bugs Bunny*, *Batman and Robin*, *The Hulk*, *Little Orphan Arnie* dan *Li'L Abner*. Jalan ceritanya digubah dalam bentuk sastera didaktis serta terkawal dengan penuh suspens. Oleh yang demikian, buku-buku ini senang diikuti walaupun terdapat perkataan-perkataan yang susah di dalamnya. Gambar-gambarnya pula penuh dengan aksi yang mengilustrasikan cerita; dialognya yang terhad adalah tepat kepada isinya. Kegemaran terhadap buku-buku komik tidak hanya terbatas kepada komik berbahasa ibunda, malah kepada komik-komik berbahasa asing dari Barat dan Timur. Watak-watak baik dan jahat mudah dikesan oleh kanak-kanak. Watak-watak seperti *Superman*, *Spiderman*, *The Incredible Hulk*, *Mickey Mouse*, *Tom and Jerry*, *Mr. Jaws* dan juga watak-watak dalam cerita-cerita *Samurai*, *Kung Fu* adalah sebahagian daripada watak-watak yang terdapat dalam buku-buku komik yang tidak asing kepada ramai kanak-kanak. Soal bahasa tidak menjadi masalah. Komik-komik boleh ditulis dalam sebarang bahasa. Pertimbangan kanak-kanak bukanlah terhadap bahasa tetapi kepada ilustrasi yang menarik rea-

listik dan yang dapat menggerakkan alam fantasi mereka. Dengan ini orang dewasa bersama-sama kanak-kanak dapat berbincang mengenai segala aspek, terutama isi cerita komik itu. Di sinilah peranan orang dewasa diperlukan untuk membimbing kanak-kanak membentuk daya pertimbangan dan penilaian terhadap bacaan-bacaan mereka. Apabila minat kanak-kanak terhadap komik telah sampai ke kemuncaknya, ia boleh digantikan dengan bahan-bahan bacaan yang lain seperti buku-buku cerita yang juga dapat memenuhi kehendak selera mereka kepada cerita-cerita novel fiksiyen, pengembaraan yang bukan saja hebat malah mengandungi nilai-nilai kesuasteraan.

Cerita-Cerita Biografi

Dengan membaca buku-buku biografi, kanak-kanak akan dapat mengalami suatu hubungan mesra dengan warisan sejarah tanah airnya seperti dengan tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang kebangsaan. Cerita-cerita biografi menjadi contoh kenyataan atau realiti untuk menimbulkan inspirasi para pembaca remaja yang penuh dengan cita-cita untuk mencontohi imej tokoh-tokoh negara yang berjasa kepada bangsa dan tanah air. Buku-buku biografi memang penting kerana antara lain buku-buku tersebut dapat mendidik kanak-kanak menjadi rakyat yang berguna. Pengalaman-pengalaman hidup tokoh-tokoh yang dikisahkan dalam buku-buku biografi memang berguna bukan setakat menarik minat membaca tapi juga dapat dijadikan tauladan hidup kepada mereka. Di antara buku-buku yang dapat dimasukkan ke dalam kategori ini, termasuk cerita-cerita *Pahlawan Tanah Air, Tok Janggut Pahlawan Kelantan, Puteri Sa'dong Serikandi Kelantan, Datuk Paduka Raja Pahlawan Johor, Raja Haji Pahlawan Riau, Perginya Datuk BahamanKu, Megat Terawis, Datuk Petinggi Ali Pahlawan Sarawak, Datuk Maharaja Lela Pahlawan Perak, Tun Fatimah Serikandi Melaka, Tun Kudu Serikandi Melaka, Dol Said Pahlawan Naning, Tun Perak Pahlawan Melaka* dan *Mat Salleh Pahlawan Sabah*.

Cerita-Cerita Fiksiyen Sains

Di zaman sains dan teknologi ini fiksiyen sains juga mementingkan unsur-unsur kreatif yang segar seperti fantasi, fakta-fakta dan asas-asas sains yang kuat sesuai dengan kehendak masa serta peringkat usia pembaca. Fiksiyen sains membawa kanak-kanak meninjau dari dunia realiti ke dunia fantasi angkasa lepas atau ke perut bumi. Fiksiyen sains yang baik mengandungi satu atau beberapa fakta sains yang diolah dengan begitu rupa untuk menimbulkan konflik, memperkembangkannya dan akhirnya menyelesaikan konflik itu. Ini biasanya disokong dengan lambang-lambang kemajuan sains dan teknologi yang menyakinkan. Watak-wataknya pula beraksi dalam lengkungan batas-batas yang tidak melampaui nilai-nilai moral, budaya dan kehendak-kehendak pembaca. Satu daripada kelebihan fiksiyen sains adalah ia dapat memberi kemampuan menyuburkan daya imaginasi, spekulasi dan *flexibility* dalam fikiran pembaca. Kebanyakan hasil-hasil sastera yang lain mencerminkan satu gambaran masyarakat yang statis, tetapi fiksiyen sains memberi lebih daripada itu; iaitu selain dari menggambarkan kemajuan-kemajuan di bidang sains dan teknologi semasa, pembaca juga dibawa meninjau ke masa-masa hadapan yang amat berlainan dari apa yang pernah dialami mereka.

Kreativiti kanak-kanak adalah salah satu daripada matlamat-matlamat asas dalam kehidupan. Oleh itu untuk mempraktikkannya, maka segala fakulti kanak-kanak itu seperti daya pemikiran, imaginasi, aspek jasmani dan rohani mereka diperkembangkan. Kalau daya kreativiti kanak-kanak itu tidak diperkembangkan, maka mereka akan menjadi manusia statis yang lemah. Sebaliknya perkembangan daya kreativiti dan aspek-aspek asas yang lain akan menjadikan diri kanak-kanak itu mampu menhadapi segala cabaran hidup.

Bertolak dari sinilah beberapa orang pengarang dan ahli akademik dari Barat cuba mencipta beberapa siri fiksiyen sains kanak-kanak. Contohnya ialah siri *Skylark* seperti *The Skylark of Space, Skylark Three, Skylark of Veleron*, dan *Skylark Du' Quesne*; ataupun siri *Lensman* seperti *Triplanetary, First Lensman, Galactic Patrol, Children of the Lens*, dan lain-lain. Usaha menulis buku-buku yang bercorak seperti ini belum lagi giat dilakukan di Malaysia. Sebagai usaha permulaan, beberapa buah karya yang disebutkan adalah di antara buku-buku yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Fiksiyen sains kanak-kanak telah mula diberi perhatian oleh beberapa orang penulis tempatan di antaranya Rubaidin Siwar dengan hasil-hasil karyanya yang bertajuk

Ekspidisi dan Spektra 2000 dan *Mendaratlah Plasma Hijau*, oleh M. Ariffin Sini, *Terhumban ke Dunia Katak* oleh Shahidan Md. Noh, dan cerita-cerita yang bercorak pengembaraan antara planet telah ditulis oleh Teh Zahariah Jahidin berjodol *Kembaran di Phobos*. Dalam tahun 1964, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan peraduan mengarang cerita sains untuk kanak-kanak. Sebagai penghargannya, cerita-cerita ini telah diantologikan dalam buku bertajuk *Benda Ajaib di Bilik Tertutup*. Kegiatan menulis cerita-cerita bercorak fiksyen sains di Malaysia amatlah tidak memuaskan. Ini mungkin kerana tradisi penulisan cerita-cerita tersebut belum kukuh seperti di negara-negara Barat. Adalah diharapkan bahawa dengan bertambahnya cerita-cerita jenis ini, kanak-kanak tidak saja dihidangkan dengan konsep-konsep sains tulen, sains tambahan, sains am, sains paduan dan sains pertanian sahaja, tetapi juga dilatih berfikir secara kreatif dan memandang masa depan dengan rasa optimis.

Penutup

Dari bahan-bahan bacaan seperti yang tersebut di atas, kanak-kanak akan menyedari bahawa mengalami kegelisahan, kekecewaan, kebimbangan dan kemerosotan hidup adalah merupakan fenomena sejagat. Dengan ini mereka akan dapat membuat perhitungan sendiri untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi. Identifikasi mereka dengan watak-watak dalam cerita-cerita mungkin tidak hanya terbatas kepada penglihatan diri mereka di dalam watak-watak tersebut sahaja, tetapi juga akan dapat melihat individu-individu lain dalam cerita-cerita tersebut. Sebagai kesan dari itu, mungkin kefahaman dan apresiasi kanak-kanak akan dapat dipertingkatkan ke paras sebagai seorang manusia yang rasional. Satu kelebihan tentang kegemaran membaca sebagai sejenis rawatan rohaniah ialah ia tidak memasak kanak-kanak untuk mengikuti satu-satu peristiwa dalam cerita jika dirasakan tidak perlu. Jika sesuatu peristiwa fiksyen itu menjadi terlalu tegang, terlafulah menyaksikan maka pembaca adalah bebas untuk menarik diri daripada menyertai jalinan cerita dan hanya memainkan peranan sebagai seorang pemerhati sahaja. Membaca buku-buku sastera yang bermutu dapat membantu kanak-kanak untuk melihat masalah-masalah hidup secara objektif.

NOTA

¹ Constantine Geogion. *Children and Literature*. Englewood Cliffs, New York: Prentice-Hall, 1969,

² Daniel Defoe. *Robinson Crusoe*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

³ Daniel Defoe. *The Life and Strange and Surprising Adventure of Robinson Crusoe*. Buku ini telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia oleh Yahya Kassim, dan diterbitkan dalam The Malay Home Library Series No 44 oleh Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, Pesekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur. Buku ini ditulis semula untuk Edisi Baru oleh Ahmad Fadzil Hj. Yassin.

⁴ Swift, Jonathan. *Gulliver's Travels*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1975. Cerita ini yang diterbitkan buat pertama kalinya dalam tahun 1926 dengan tajuk asalnya *Travels Into Several Remote Nations of The World in Four Parts by Lemuel Gulliver*. Buku ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia pada 1975 untuk bacaan kanak-kanak oleh Longman Malaysia Sdn. Bhd. dengan tajuknya *Pelayaran Gulliver*.

⁵ Bruno Bettelheim, *The Uses of Enchantment: The Meaning and Importance of Fairy Tales*. New York: Vintage Books, 1977 h. 283.

RUJUKAN

Chapman Abraham, (ed.) *Black Voice*. New York: New American Library, 1968.

Davis, David C. and Madeline. *Literature for the Young*. City: University Extension, University of Wisconsin, 1967.

Fell, John L. *Film - An Introduction*. New York: Praeger Publishers, 1975.

Fisher, Margery Turney, (ed.). *Children's Literature - History and Criticism*. Leicester: Brockhampton Press, 1964.

- Georgion, Constantine. *Chuaren and Literature*. Englewood Cliffs, New York: Prentice-Hall, 1966.
- Huck, Charlotte S. *Children's Literature In The Elementary School*. New York: Holt, Rinehart and Winston, 1976.
- Lonsdale, Bernard J. and Helen K. Mackintosh. *Children Experience Literature*. New York: Random House, 1973.
- Smith, James S. *Children's Literature – History and Criticism*. New York: McGraw Hill, 1967.

Senarai Teks Perbincangan

- A. Talib Hj. Ahmad. *Puteri Limau Purut*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Abbas Hakim. *Cerita Burung Dara*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1967.
- Ajikik. *Pahlawan Kecil dan lain-lain Cerita*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers Ltd., 1979.
- Arman Sani. *Perginya Datuk Bahamanku*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1977.
- _____ . *Cerita-Cerita Lagenda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1977
- _____ . *Cerita-Cerita Metos*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1977.
- Bambang Stutadi. *Cengkerik Ajaib*. Jakarta: P.T. Gramedia, 1975.
- Charles Shuttleworth. *Si Sisik*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1975.
- _____ . *Kala Jengking dengan Merbau*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Bobo dengan Ular Sawa*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Si Taring Tua Dengan Sahabatnya*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Si Tangkat*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Knong Dengan Elang*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Si Cerdik Dengan Anjing Liar*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- _____ . *Si Rangkak Dengan Biawak*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd., 1979.
- Defore, Daniel, *Robinson Crusoe*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- _____ . *Si Rangkak Dengan Biawak*. Kuala Lumpur: FEB International Sdn. Bhd. 1979.
- Defore, Daniel. *Robinson Crusoe*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Hamzah Hamdani. *Tun Fatimah Serikandi Melaka*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Datuk Bahaman-Pahlawan Pahang*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text-1977.
- _____ . *Dol Said Pahlawan Naning*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Datuk Maharaja Lela Pahlawan Perak*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text-1977.
- _____ . *Datuk Petinggi Ali Pahlawan Sarawak*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-

Text-1977.

- _____ . *Mat Salleh Pahlawan Sabah*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Unit-Text, 1977.
- _____ . *Raja Haji Pahlawan Riau*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Tun Kudu Serikandi Melaka*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Tun Perak Pahlawan Melaka*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- Jalil Abdul Rahman. *Kera Menjala Buaya Mendapat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
- M. Ariffin Sini. *Mendaratlah Plasma Hijau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.
- Nik Ismail Ahmad. *Puteri Sa'dong, Serikandi Kelantan*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- Rosmera. *Megat Terawis*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Tok Janggut*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- Rubaidin Siwar. *Ekspidisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- _____ . *Pahlawan Tanah Air*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text, 1977.
- _____ . *Sindrella*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise, 1976.
- Suritno. *Kuda Ajaib*. Jakarta: P.T. Gramedia, 1975.
- Swift, Jonathan. *Pelayaran Gulliver*. Kuala Lumpur: Longsman, Malaysia Sdn. Bhd., 1975.